

# Dr Mahathir tidak sertai himpunan kebebasan kehakiman

ms. 3  
12 JUL 2025  
BERITA HARIAN

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad tidak akan hadir himpunan Perarakan Membela Kebebasan Kehakiman yang dijadualkan pada 14 Julai ini yang dianjurkan Majlis Peguam.

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri itu yang kini berusia 100 tahun tidak menolak kemungkinan hadir pada perhimpunan anjuran pembangkang pada 26 Julai ini.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak hadir pada himpunan Majlis Peguam kerana beliau bukan peguam.

“Perarakan (Membela Kebebasan Kehakiman) Majlis Peguam saya tidak datang kerana saya bukan peguam.

“Tetapi mesyuarat (himpunan) dianjurkan sekretariat yang mana mereka yang terbabit bukan sahaja peguam, tapi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) orang dari parti politik itu ada, yang itu saya hadir.

“Himpunan pada 26 Julai ini adalah ‘rally’ (himpunan) rakyat yang tidak mengira kaum, parti, NGO, NGI, jadi orang perseorangan pun kalau nak hadir, boleh hadir,” katanya pada sidang media di Yayasan Al Bukhary, di sini semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir menyertai sesi sidang meja bulat Sekretariat Pertahan Sistem Kehakiman kali kedua yang dihadiri beberapa pemimpin parti politik; NGO dan barisan peguam.

Ditanya adakah keperluan Majlis Raja-Raja campur tangan membantu kemelut pelantikan jawatan kehakiman, bekas Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, ia tidak perlu kerana Raja-Raja tidak terbabit di dalam hal politik.

“Raja-Raja tidak terbabit dalam hal politik, berparti dan sebagainya, tetapi apabila sesuatu masalah timbul yang membawa kepada perpecahan politik hingga kita tidak dapat buat apa-apa, sehingga tidak boleh persidangan Dewan (Parlimen) kita kena rujuk kepada Majlis Raja-Raja,” katanya.

Mengenai prestasi empat negeri ditadbir PN, Kedah, Terengganu, Perlis dan Kelantan yang disebut SG4, Dr Mahathir mengakui ia masih perlahan, namun menyatakan akan mengatasi kelemahannya.

Beliau yang juga penasihat SG4 berkata, pihaknya sedang usaha menangani masalah pelaburan yang dihadapi mereka.

“Kami sedang usaha tangani masalah pelabur, kami ‘slow’ (perlahan) sikit.

“Tetapi akan ada satu usaha untuk menjayakan matlamat SG4,” katanya.